

# Malaysia, Indonesia setuju kukuh bidang pertahanan, perdagangan

Kerjasama lebih erat turut babitkan bidang pendidikan, penyelidikan, teknologi makanan, dan tenaga

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk memanfaatkan kekuatan hubungan sedia ada dengan memperkukuhkan bidang pertahanan, ekonomi dan perdagangan.

Kedua-dua negara sahabat dan berjiran itu juga mahu bekerjasama lebih erat dalam bidang pendidikan, penyelidikan, teknologi makanan, industri hiliran dan tenaga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Indonesia mempunyai banyak pengalaman dan kekuatan dalam bidang pertahanan, justeru perlu ada kesediaan dari pihak Malaysia untuk melihat apa yang boleh diperolehi dari Indonesia, selain dari negara lain.

Pada masa sama katanya, kedua-dua negara komited untuk memastikan kerjasama antara syarikat gergasi minyak kedua-dua negara, PETRONAS dan Pertamina untuk meneroka aliran baharu dalam bidang perniagaan.

"Jadi, hal itu hanya akan berlaku jika ada kesefahaman, keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan pimpinan serta pasukan kedua-dua kami.

"Saya ucap terima kasih dan beri arahan jelas kepada rakan menteri serta jabatan terkait, se-

lain sektor swasta untuk pastikan apa yang kita sepakati dimeterai secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Presiden Indonesia, Prabowo Subianto di sini, semalam.

Prabowo dalam lawatan negara pertamanya selama sehari sejak dilantik ke jawatan itu atas undangan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Anwar berkata, kerjasama Malaysia dan Indonesia juga akan dipertingkatkan dalam bidang ekonomi dan perdagangan, selain memperluas bidang pendidikan, penyelidikan, teknologi makanan, industri hiliran dan tenaga.

Sementara itu, Prabowo berkata, pertemuan beliau dengan Anwar membincangkan isu kerjasama yang sangat menyeluruh dan yakin kedua-dua negara dapat menyelesaikan pelbagai masalah dua hala, termasuk persempadanan dan tenaga kerja.

"Intinya adalah keputusan politik bahawa Malaysia dan Indonesia bekerjasama erat. Hal lain, termasuk teknikal, kita boleh selesaikan.

"Apa yang penting, ada kemahuan politik dan strategik dan kita yakin dapat selesaikan masalah sempadan dan dua hala. Masalah tenaga kerja pun, kita sepakat tertibkan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kedua-dua negara juga akan bekerjasama dalam meningkatkan lagi industri sawit, yang kini menjadi komoditi penting dan mendapat permintaan banyak negara.

Dari segi geopolitik, Prabowo berkata, Malaysia dan Indonesia



Anwar pada sidang media bersama Prabowo di Menara Berkembar Petronas, sempena lawatan negara pemimpin itu ke Malaysia, semalam. (Foto BERNAMA)

perlu terus berunding dalam menyuarkan pandangan ketika situasi dunia yang tidak menentu, selain sinergi bersama rakan lain dalam ASEAN.

"Hanya dengan persatuan antara negara ASEAN, kerjasama baik antara kita, suara kita lebih

didengari oleh kekuatan yang jauh lebih besar daripada kita.

"Mengenai masalah Palestin, kita tegas bahawa hanya ada satu penyelesaian, iaitu penyelesaian dua negara.

"Kita terima baik gencatan senjata sekarang dan harap ia

akan bertahan," katanya.

Terdahulu, Anwar dan Prabowo menyaksikan pertukaran dua Surat Niat (LOI) antara Axia Group Berhad dan PT Sinar Mas Tunggal, iaitu *LOI on Ecosystem Growth* dan *LOI on XL Smart Merger Realization*.